

RM 30.00



P.T.  
Terkenang

A. Samad Idris



# A. SAMAD IDRIS

Dengan

## PAYUNG TERKEMBANG

Hak Penyusun dilindungi Undang-Undang

Cetakan Pertama 1990

Diterbitkan oleh

Pustaka Budiman

77-1 Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur

Telefon: 9850499, Fax: 9858411, Telex: 31788

Dicetak oleh:

Malindo Printers,

Lot 3, Jln. 15/17, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

## Untuk Menungan Bersama

Penakik Pisau Seraut  
Ambil Galah Batang Lintabung  
Selodangnya Jadikan Nyiru

Setitik Jadikan Laut  
Sekepal Jadikan Gunung  
Alam Terkembang Jadikan Guru

## Pantun Orang Tua-tua

Cuba nilai sendiri sejauh mana kebenarannya:

Puas sudah menanam ubi  
Nenas juga dibeli orang  
Puas sudah menabur budi  
Emas juga dipandang orang

Apa pula kata Prof. Dr. Hamka:

Dulu rebab nan batangkai  
Kini lagundi nan babungo  
Dulu adat nan bapakai  
Kini rudi\* nan paguno

Nilai pula yang ini:

Kalau tuan menanam padi  
Tanam ubahnya jarang-jarang  
Kalau sudah menabur budi  
Seumur hidup dikenang orang

- Apakah benar begitu?

\*Rudi - Duit Belanda

**Terhutang Budi:**

**Dharmala N.S.  
Fadzillah Ibrahim  
Pauzauyah Nordin**

## KANDUNGAN

M/Surat

1.	Sedikit mengenai buku ini	1
2.	Balada anak pertiwi	3
3.	Kata-kata Aluan dari	
	- Menteri Besar Negeri Sembilan	13
	- Harun Zain Bekas Gabenor & Bekas Menteri	14
	- Azwar Anaz Bekas Gabenor & Menteri Perhubungan	17
	- Hasan Basri Durin Gabenor	18
4.	Pertembungan dua budaya	32
5.	Hasrat Hati	43
6.	Lawatan Pertama	51
7.	Darah Perantauan	67
8.	Nama-nama suku di Negeri Sembilan	77
9.	Asal nama Seri Menanti	80
10.	Menjemput Raja	90
11.	Negeri Sembilan purbakala	95
12.	Negeri Sembilan di satukan kembali	131
13.	Lahirnya nama Negeri Sembilan	137
14.	Bendera Negeri	142
15.	Sedikit tentang adat istiadat	147
16.	Gelaran Yang Dipertuan (Yamtuan)	149

17.	Gelaran Undang - Undang dan Undang-Undang	153 158
18.	Kata Penutup Seminar Adat - Surat Gabenor Harun Zain	160 164
19.	Team Kesenian	166
20.	Lagu Payung Terkembang	198
21.	Lagu Indahnya Alam Negeri Moyangku	203
22.	Missi Muhibah Kesenian - Catatan Datuk Rashid Manggis	209
23.	Raja Melewar	257
24.	Istana Lama	262
25.	Perlantikan adinda bukan kali pertama	266
26.	Negeri Sembilan sekarang - Menteri-Menteri Besar	274
27.	Sedikit tentang Malaysia - Menteri Kabinet	295 311
28.	Gelaran Datuk Bagi Gabenor Sumatera Barat - Titah DYMM Tuanku Jaafar - Ucapan Harun Zain	318 320 322
29.	Gelaran Pesaka Diraja	331
30.	Kota Bersaudara Bandar kembar Bukit Tinggi/Seremban	340
31.	A. Samad Idris digelar Dato' Minangkabau	350

32. Asal Minangkabau	371
33. Satu Analisa Mengenai Asal Nama	374
34. Kerajaan Pasumayam Kota Batu	377
35. Kerajaan Bukit Batu Patah Pagar Ruyung	388
36. Peradaban Minangkabau sampai Abad XII	393
37. Kerajaan Bungo Setangkai di Sungai Kayu Batarok	404
38. Bundo Kanduang	411
39. Luhak nan Tigo	415
40. Pandangan Sarjana Barat	421
41. Undang-undang nan XX	424
42. Kerajaan Dusun Tuo Lima Kaum	429
43. Hubungan dengan negeri luar	436
44. Warna Palambang atau bendera/ Marawa Minangkabau	437
45. Yang Dipertuan Sakti Raja Hitam Tuanku Raja Alam Bagagarsyah Johan Berdaulat Raja Terakhir	439
46. Tokoh-Nama Orang dan Tempat	446

## SEDIKIT MENGENAI BUKU INI

---

Buku ini sengaja saya tuliskan dengan maksud supaya rakyat kedua-dua negara kita Malaysia/Indonesia dan Negeri Sembilan/Minangkabau sebanyak sedikit mengetahui akan salur galur sejarah kedua-dua daerah ini secara ringkas.

Orang-orang Negeri Sembilan khususnya tentunya ingin mengetahui asal usul negeri nenek moyangnya. Manakala orang-orang Minangkabau pula ingin mengetahui apa yang telah berlaku kepada nenek moyangnya yang telah merantau jauh sejak beratus tahun yang lalu.

Tentu saja tidak semua di antara kita yang berpeluang melawat kedua-dua negeri dan daerah ini, tetapi dengan membaca buku kecil ini sebanyak sedikit mereka akan dapat gambaran yang nyata walaupun tidak secara mendalam.

Atas kesedaran inilah saya telah meminta Datuk Bendaro Lubuk Seti seorang pegawai dari kantur Gabenor Sumatera Barat Padang dan seorang tokoh sejarah yang tidak asing lagi di Minang untuk menuliskan sejarah Minangkabau, diadunkan dalam sebuah buku bersama-sama dengan tulisan saya mengenai Negeri Sembilan, semoga ada munafaatnya.

Wassallam

A.S.I.

## BALADA ANAK PERTIWI

i

Deburan ombakmu Selat Melaka  
bukan pemisah pantai sejarahnya  
dua rumpunan bangsa dari satu injap keturunan  
sekian lama resah gelisah mimpiku  
menatang bimbang masa silam yang hilang

Di gunung gemilang di laut sejahteramu  
telah terukir kemegahan yang tak terperikan  
dari Seri Vijaya ke Majapahit, Bugis, Aceh dan Langkasuka  
kau kibarkan panji-panji keagungan -  
Pagar Ruyung, Melaka, Johor-Riau, Pasai, Mataram dan Champa  
kau binakan satu kerajaan besar bernama MELAYU

Tidak perlu pasport atau visa  
kita jejakkan kaki ke segenap penjuru mu  
kerana daerah ini milik kita bersama!

Mereka - tangan-tangan penjajah membina sempadan  
memisahkan kita di sebalik benteng kuasanya  
nafsu tamak menutup segala erti kemanusiaan

Mereka dedahkan pintu terbuka luas  
kepada siapa saja yang berkeinginan  
kita menjadi sepi, hina sebagai anak-anak abdi  
meminggir di teratak sendiri

Ah, mereka agihkan negara kita  
dicarik-carik dibelah bagi  
bagaikan milik pesaka dari harta nenek moyangnya!

ii.

Telah dilalui satu detik menjadi kenangan pahit  
sejarah pilu bukan lagi untuk ditangiskan  
dan kita hanya terpisah di atas kertas

Kini himpukan janji anak-anak tercinta  
- anak pertiwi di bumi merdeka-  
digenggaman tangan dijabat erat sebuah ikatan  
rebah bangunnya bersama:  
budaya dan adat istiadat Melayu  
tegak segaknya menjunjung khidmat  
warisan bangsamu!

Nah! generasi penerus amalan  
tadahkan dadamu ke laut kejujuranmu  
di puncak gunung keyakinan di dasar lurah kesetiaan  
lenyapkan segala sengketa

pandanglah hala ke depan tembok mencabar  
tolehlah jauh ke belakang benteng cekalnya  
langkahmu gerak bangsa dalam genggamanmu  
cuai lalai bererti maut

iii.

Atas keyakinanmu anak-anak pertiwi  
di bumi tercinta ini;  
kita sedut bersama udara kebebasan  
dengan nadi berdenyut darah mengalir hangat  
melangkaui bukit-bukau gunung-ganang lurah dan jeram  
puncak kemenangan segala sumpah gemilang

Pun di ombak gelombang menghempas ke pasir pantai  
burung camar berpapasan mengejar senja  
ikan-ikan di sungai berenang bermain arus  
di laut menunda ombaknya  
haiwan ganas di rimba - haiwan jinak ternakmu di riba  
rumput-rumpai dan kayu-kayan menjulang tinggi  
nyamuk dan lalat berterbangan bersama debu duka  
merak mendung mengigal bersahutan  
kicau murai di subuh dingin  
menyedarkan kita di atas warisan budaya ini  
- segalanya menjadi saksi  
kitalah pemilik mutlaknya

iv.

Usah pula dikhianati setianya anak-anak pertiwi  
apakah kerana itu gerangannya  
kerana keluhuran budimu  
kera di hutan disusukan  
anak di pangku diletakkan  
dagang lalu ditanakkan  
laki pulang kelaparan


Kerana telah kau mungkiri  
janji anak-anak pertiwi  
dalam jabat erat genggaman tangannya  
kau ambil kesempatan ini

Lalu di airmata yang tumpah  
mereka hampir bergelandang menadah tangan  
meminta harap belas kasihan  
di mukanya arang di kakinya onak tercancang  
kerana di setiarela kau berdusta:  
air tebu dibalas tuba  
seteguk air berdebu kaca  
sesuap nasi berpasir kerikil  
hingga degup berakhir


v.

Kini anak-anak pertiwi meminta tanda  
sumpah bertuah yang dimimpikan  
patah tumbuh hilang berganti  
bersama tabah-yakin keberanian  
di sini sumpah nenek-moyang di bumi keramat  
jangan kau mungkiri  
jangan kau khianati  
pegang teguh janjimu

Cahaya fajar memancar sinar  
di sebalik jangkauan kaki langit  
setinggi gunung harapan  
seluas samudera idaman  
kita satu dalam ikatan



*Lambang atau Cogan Negeri,  
Negeri Sembilan*



Bendera Negeri, Negeri Sembilan

## PAYUNG TERKEMBANG

---

---

Dengan taufik dan hidayah Allah S.W.T. dan berkat syafaat junjungan kita Nabi Besar Muhammad S.A.W., dengan segala rendah hati saya persembahkan secebis kisah ini untuk santapan rohani bersama semoga dapat kita meniti ingatan bagaimana ketabahan orang tua-tua dulu dalam mengharungi gelombang hidup.

Satu Januari, 1968 adalah satu tarikh yang mengandungi erti yang bermakna bagi diri saya kerana pada hari inilah saya mula menjakkan kaki di bumi neneh moyang nan indah ini yang begitu lama menjadi impian yang tidak kunjung padam dalam ingatan.

Maksud awalnya, walaupun tidak terlintas di hati seperti yang telah terjelma pada hari ini, tetapi ia bukan pula tidak menjadi hasrat untuk membina titian emas di atas persada kedua negara satu turunan Malaysia/Indonesia dan Negeri Sembilan/Minangkabau khususnya.

Kerana kurangnya minat atau kelalaian orang tua-tua kita dulu untuk merakamkan larian sejarah yang berlaku dalam zamannya menjadikan kita yang berada di hari ini terpaksa meraba-raba dalam kegelapan untuk mencari fakta-fakta yang tepat.

Sebagai contoh, kalaularah tidak ada Tun Seri Lanang dan Munshi Abdullah dan lain-lain yang tidak begitu ramai bilangan orang seumpamanya merakamkan peristiwa yang berlaku beratus-ratus tahun yang lalu, apakah kita semua yang menghuni alam tanahair hari ini mengenali Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah dengan segala isi yang terkandung di dalamnya?

Memang tidak siapa yang boleh menafikan, untuk mengumpulkan kepingan-kepingan sejarah yang berselerak di sana sini itu bukanlah satu kerja mudah seperti menghadapi makanan yang telah sedia terhidang. Ia memerlukan banyak waktu dan tentunya juga ongkos yang tidak sedikit jumlahnya.

Sebagai seorang yang amat meminati dalam bidang ini saya cuba menyusun lagi peristiwa ini untuk dibukukan semoga ada menfaatnya kepada kita sekalian..


Buku kecil ini diberi nama 'PAYUNG TERKEMBANG' mengambil sempena hubungan kembali di antara Negeri Sembilan/Minangkabau khususnya dan Malaysia/Indonesia umumnya.

Sebagai insan biasa, tersalah silap mohon dimaafkan, wasallam.

Salam hormat dari,

Hamba yang ikhlas

A SAMAD IDRIS  
Teratak Desa  
Kuala Lumpur  
1hb. Disember, 1989





فجابة منتري بسر  
نكري سمبيلان

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN

M.B.N.S. 1.09 MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN  
5 Disember 1989

#### SELEMBAR HARAPAN

Rintisan yang telah dibuat oleh Tan Sri Dato' Samad yang mengimbas kembali pertalian Negeri Sembilan dan Minangkabau seharusnya menjadi ikutan dan warisan bagi generasi akan datang.

Seperti yang kita semua maklum, sebahagian besar dari orang Melayu Negeri Sembilan berasal dari tanah Minangkabau. Perhubungan ini bukan sahaja mengeratkan tali persahabatan dan persaudaraan di antara Negeri Sembilan dengan Sumatera Barat malahan di antara Malaysia dan Indonesia.

Perkaitan dari segi adat dan budaya di antara kedua rumpun bangsa yang terpisah oleh angkara penjajah sejak beratus tahun yang lalu seharusnya menjadi contoh teladan dan panduan yang sebaik-baiknya bagi kita sekalian mengingati yang baik menjadi teladan dan yang buruk menjadi sempadan.

Perjanjian kota kembar di antara Seremban dengan Bukit Tinggi seperti yang telah saya tandatangani lebih setahun yang lalu menjadi asas yang kukuh bagi bagi memupuk dan membajai lagi supaya pokok yang ditanam itu hidup subur dan dapat dipetik buanya.

Buku yang ditulis oleh Tan Sri Datp' Samad yang bertajuk 'Payong Terkembang' ini adalah salah satu dari usaha yang sangat baik bagi mengingat dan mengenangkan serta panduan bagi generasi yang akan datang.

Salam hormat,

(DATO' HJ. MOHD ISA BIN HJ. ABDUL SAMAD).



HARUN ZAIN  
Jalan Galuh II No. 16  
Telp. : 714978 dan 7203959  
Kebayoran Baru — Jakarta Selatan

Jakarta, 20 Nopember 1989

Asallamu allaikum Wr.Wb.

Pertama-tama izinkanlah saya menyatakan hormat beserta bangga dari lubuk hati saya yang sedalam-dalamnya kepada Tan' Sri Datuk Samad Idris, sahabat karib saya, seorang mantan Menteri Besar Negara Sembilan di Malaysia yang memprakarsai penerbitan buku mengenai : "Sejarah hubungan rakyat Negeri Sembilan dengan rakyat Minangkabau.

Buku ini tidak saja akan bermanfaat bagi masyarakat di Negeri Sembilan dan masyarakat Minangkabau, tetapi pula mempererat sekaligus hubungan keakraban antara rakyat Malaysia dan Indonesia.

Pada mulanya Tan Sri Datuk Samad Idris menginjakkan kaki beliau di ranah Minang pada tahun 1968, dimana pada waktu itu kami berdua belum saling mengenal lagi.

Baru dalam suatu peristiwa dimana beliau membawa rombongan sepak bola Malaysia ke medan kami saling berjumpa dimana sejak semulanya terasa ada hubungan bathin yang kuat antara kami berdua.

Kemudiannya beliau berkali-kali datang ke Minangkabau dan selalu berjumpa baik dengan para Ninik Mamak, Datuk Kepala Adat maupun dengan Cerdik pandai di Sumatera Barat, sehingga proses persahabatan yang berasal serumpun tersebut makin mesra.

Peristiwa yang patut dicatat pula adalah pengiriman suatu Tiem kesenian Minangkabau sebesar ± 60 orang ke Malaysia, khususnya ke Negeri Sembilan pada tahun 1968 yang terbukti sangat berkesan bagi masyarakat tersebut, sehingga menimbulkan rasa ingin lebih kenal dan berdekatan dengan masyarakat Minangkabau yang terbukti berasal dari rumpun yang sama, dimana sebelumnya itu hubungan kedua masyarakat tersebut terputus selama kurang lebih 200 tahun.

Hubungan kunjung-mengunjungi antara masyarakat Minang di Sumatera Barat dengan masyarakat keturunan Minang di Malaysia khususnya dari Negeri Sembilan berlangsung makin ramai dan mesra. Hubungan persaudaraan ini kemudian terbukti turut meningkatkan pula hubungan baik antara rakyat Malaysia dengan rakyat Indonesia pada umumnya.

Suatu peristiwa yang sangat berkesan dan menjadi kenangan yang berarti adalah dimana DYMN . Tuanku yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan mengurniakan Gelaran Kebesaran Datuk, semula kepada saya, kemudian pula kepada Bapak Ir. Azwar Anas, pengganti saya sebagai Gubernur Sumatera Barat. Peristiwa tersebut sangat penting dalam melanjutkan keakraban, tidak saja antara masyarakat Negeri Sembilan dan Minangkabau, tapi lebih<sup>2</sup> lagi mempertebal tali ikatan persahabatan antara rakyat Malaysia dan Rakyat Indonesia yang sekarang sama-sama sedang berpacu dalam kiprah pembangunan masing-masing.

Dalam rangka hal-hal tersebut kita semua menghargai usaha Tan Sri Datuk Samad untuk menerbitkan buku hubungan sejarah antara rakyat Negeri Sembilan dan Minangkabau.

Semoga buku ini akan lebih membuka tabir sejarah dari dua keluarga besar yang berasal dari rumpun yang sama, sehingga generasi kita sekarang, lebih-lebih lagi generasi penerus yaitu anak kemenakan kita akan lebih memperdalam lagi nilai-nilai luhur yang terkandung dalam sejarah perkembangan nenek moyang kita. Karena itu nilai sejarah dan nilai budaya dari buku ini sangat berharga.

Sekali lagi, saya ucapkan selamat atas penerbitan buku sejarah mengenai "Hubungan rakyat Negeri Sembilan dengan Minangkabau".



HARUN ZAIN

Datuk Sinaro,  
Datuk Purba Jasa Di Raja



## MENTERI PERHUBUNGAN

REPUBLIK INDONESIA

S A M B U T A N  
TYT DATO' SERI UTAMA MAJOR GENERAL  
IR H. AZWAR ANAS SPNS

Assalamuallaikum W.W.

Dengan memanjatkan Puji dan Syukur Kehadirat ALLAH Tuhan Yang Maha Esa, kami menyambut gembira prakarsa Yang Mulia Tan Sri Dato' Samad Idris untuk menggali, melestarikan, merangkum hubungan Nenek Moyang Kita dalam sebuah buku ;

" PAYUNG TERKEMBANG "


Diterbitkannya buku ini, tentunya akan menjadi satu khasanah pemersatu dan mengikat kita sebagai satu Rumpun Bangsa Melayu yang berkembang sesuai dengan perkembangan sejarah masing-masing untuk mencapai cita-cita membangun masyarakat yang makmur, harmonis dan damai di-kawasan ini.-

Akhirul kata, Semoga Allah Subhana Wataala akan selalu me-Ridhoi kita semua dan kiranya hubungan kekeluargaan masyarakat se-Rumpun antara Negara Malaysia & Indonesia akan menjadi lebih kokoh lagi.-

A m i e n . . . . - Jakarta , November 1989

*Azwar Anas*

TYT DATO' SERI UTAMA MAJOR GENERAL  
IR H. AZWAR ANAS SPNS  
GELAR DATUK RAJO SULAIMAN



## GUBERNUR KEPALA DAERAH TINGKAT I SUMATERA BARAT

### S A M B U T A N

GUBERNUR KEPALA DAERAH TINGKAT I SUMATERA BARAT

Bismillahirrahmanirrahim.

Pertama-tama kami sampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada yang terhormat Tan Sri Datuk A. Samad Idris, atas perhatian serta usaha yang sungguh-sungguh dan tulus ikhlas dari beliau untuk mengungkapkan adanya pertalian darah dan adat istiadat antara Negeri Sembilan dan Minangkabau Sumatera Barat. Ternyata hasrat untuk mengungkapkan adanya pertalian tersebut telah tumbuh dan berkembang sejak masa muda beliau, didorong oleh perasaan yang beliau miliki akan adanya pertalian tersebut, semenjak masa kanak-kanak beliau.

Telah sama kita ketahui bahwa pertalian dimaksud bukanlah karena kebetulan, atau dibuat-buat berdasarkan keinginan ataupun basa-basi karena ada suatu kepentingan dibelakangnya, tetapi pertalian tersebut terbentuk melalui suatu peristiwa sejarah yang jelas. Hanya saja peristiwa tersebut kurang didukung oleh catatan-catatan tertulis, karena kebiasaan yang berlaku bagi pendukung adat Perpatih pada masa itu bahwa untuk mengenang suatu peristiwa sejarah, hanya disampaikan melalui penuturan dari mulut ke mulut ataupun melalui dendang puitis, yang pada lahirnya dirasakan sebagai pe-

lipur lara; dan penyampaiannya pun tidak teratur sebagaimana jalannya peristiwa sejarah dimaksud.

Sungguhpun demikian, dari bukti-bukti dan peninggalan yang berserakan di lapangan pada kedua kawasan tersebut, ditambah lagi dengan kesamaan sikap dan tingkah laku serta tata cara kehidupan masyarakatnya, seperti yang dapat dilihat pada adat istiadat yang dipakai, memberikan petunjuk yang jelas bahwa pertalian tersebut memang ada.

Kendala lainnya yang menyebabkan kaburnya jejak sejarah itu, adalah karena kedua kawasan ini sempat dijajah oleh dua kekuatan besar yang berbeda dalam masa yang cukup lama. Sehingga seolah-olah kedua kelompok masyarakat tersebut telah terlepas dari rumpunnya dan telah menuliskan sejarahnya masing-masing.

Selanjutnya, sesuai dengan jalan sejarah masing-masing, kedua kawasan tersebut sama-sama memperoleh kemerdekaannya. Negeri Sembilan berada dalam kerajaan persekutuan Malaysia merdeka, dan Minangkabau berada dalam Negara Republik Indonesia merdeka, dua negara bertetangga yang mempunyai akar budaya serumpun.

Dalam kondisi yang demikianlah yang terhormat Tan Sri Datuk A. Samad Idris berusaha menyusun kembali carikan-carikan peristiwa masa lalu itu, dalam sebuah buku yang dapat diwariskan kepada anak cucu, generasi penerus dari kedua kelompok tersebut, bahkan bagi kedua negara bertetangga. Suatu usaha yang mempunyai makna besar di bidang pendidikan dan kebudayaan untuk masa kini dan masa depan bagi kedua belah pihak. Semoga usaha ini akan akan menjadi amal saleh bagi beliau di sisi Allah Tuhan Yang Maha Kuasa.

Harapan kami semoga buku yang disusun oleh Tan Sri Datuk A. Samad Idris ini akan semakin memperjelas pertalian dan akan saling mendukung dengan kajian yang sedang dilaksanakan pula di Sumatera Barat, yang menitikberatkan pada kajian hubungan kekerabatan antara Diraja Negeri Sembilan dan Minangkabau, yang telah pula mendapat perkenan dan restu dari DYMM

Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Dengan demikian kami yakin bahwa apa yang telah dilakukan adalah merupakan awal dari upaya yang lebih luas di masa yang akan datang, sesuai dengan slogan yang telah dikumandangkan "Payung telah berkembang, kembang yang tiada kan kuncup lagi".

Akhirnya, kami ucapan terimakasih atas kehormatan yang telah diberikan kepada kami untuk memberikan sambutan dalam buku ini. Mudah-mudahan terbitnya buku ini akan memberi manfaat kepada Negeri Sembilan dan Sumatera Barat pada khususnya, serta kepada kedua bangsa dan negara (Malaysia dan Indonesia), pada umumnya.

GUBERNUR KEPALA DAERAH TINGKAT I  
SUMATERA BARAT

DRS. HASAN BASRI DURIN




**“CHANGGAI PUTERI”**  
*Chogan Kebesaran Peribadi*  
*Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar*  
*Negeri Sembilan*




**DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DIPERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN  
TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN  
DK., DMN., DK (Brunei), DK (Kelantan), DK (Kedah), DK (Selangor)  
DK. (Perlis), DK (Johor).**



**DULI YANG MAHA MULIA  
TUNKU AMPUAN, NEGERI SEMBILAN  
TUNKU NAJIHAH BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN., DK.**



DYMM Tuanku Jaafar, DYMM Tunku Ampuan bersama-sama dengan putera, puteri, menantu dan cucu-cucunya. 1987.



Y.A.M. DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN  
DATO' HAJI MUSA BIN WAHAB, DTNS., P.J.K.  
(UNDANG LUAK JELEBU)



**YAM DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA SITIAWAN  
DATUK ABDUL BIN JALI, DTNS.,  
(UNDANG LUAK JOHOL)**



**Y.A.M. DATO' SEDIA RAJA DATO' HAJI ADNAN BIN  
HAIJ MA'AH, D.T.N.S.  
(UNDANG LUAK REMBAU)**



**Y.A.M. KOL. TUNKU SYED IDRUS AL-QADRI BIN  
TUNKU SYED MOHAMAD - TUNKU BESAR  
TAMPIN, DTNS.  
(TUNKU BESAR TAMPIN)**

## PERSEMBAHAN PERDANA DI IBUKOTA NEGERI SEMBILAN DAN PERTUNJUKKAN DI TEMPAT-TEMPAT LAIN

---

Adapun Persembahan Perdana adalah pada 1 November 1968 di Seremban ibukota Negeri Sembilan bertempat di Dewan N.S.C.R.C., dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, D.Y.M.M. Tuanku Najihah binti Almarhum Tengku Besar Burhanu'ddin, Yang Amat Mulia Dato'-Dato' Undang Yang Empat dan Tuanku Besar Tampin, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Dato' Dr. Mohd Said bin Muhammad D.M.N., P.P.T.; jemputan dari Kuala Lumpur di antaranya Ibu Tuan yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia, Yang terhormat Atache Kebudayaan dan Atache Penerangan RI., Y.R. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka tuan Syed Nasir bin Isma'il Asysyahab beserta Ampuan Syarifah 'Aisyah dan para undangan terkemuka yang lain.

Sebaik Duli-Duli Y.M.M. sampai di ruang gedung hadirin berdiri, lagu Kebesaran Negeri Sembilan diperdengarkan dengan irama lambat-syahdu serentak dengan Sya'ir:

“Berkatlah Yang Di-Pertuan Besar di Negeri Sembilan  
“Kurniai sehat dan makmur kasih rakyat,  
“Lanjutlah umur.  
“Akan berkati sekalian yang setia.  
“Musuhnya habis binasa.  
“Berkatlah yang Di-Pertuan Besar di Negeri Sembilan.”

Ketua Panitia Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan yang Berhormat Dato' Setia Dewangsa Haji Abdul Samad bin Idris mengangkat sembah ke

bawah Duli Yang Maha Mulia, lalu mengucapkan pidato sungguhpun ringkas tetapi berasas, antara lain memberi kata-kata pujian atas kedatangan Missi Muhibbah Kesenian Sumatera Barat yang direstui Bapak Gabernur Drs. Harun Zain atas nama Pemerintah dan rakyat.

Ditekankan bahawa lebih daripada 80% di antara penduduk Negeri Sembilan termasuk keluarga Rajanya adalah keturunan Minangkabau, hingga tidaklah menakjubkan bilamana Missi Kesenian yang diutus dari Minang ini bersifat muhibbah, yang hasil pelaksanaannya adalah untuk derma penuhungan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ketua Missi Letkol (P) Drs Akhirul Yahya Walikota Padang mempersilakan bahawa sebahagian besar di antara para anggota Missi adalah Mahasiswa dari UNAND dan IKIP Padang, yang dengan suka cita datang bersama-sama rombongan ke Malaysia umumnya dan ke Negeri Sembilan khususnya hendak mempertunjukkan kesenian Minang sebagai cermin daripada hati yang terkandung dalam hasrat bapak Gabernur Sumatera Barat, pemerintah dan rakyat. Sambutan Panitia yang diketuai bapak Dato' Samad Idris Timbalan Menteri Besar dan khusus kemurahan D.Y.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar Istana terhadap Missi, begitu juga para kehadiran para jemputan yang terhormat dalam gedung pada malam Persembahan Perdana ini adalah berkesan dalam hati kami. Dengan ini kami rombongan mengucapkan terima kasih. Atur-cara dan programma malam pertama itu berhasil baik.

Menyusullah pertunjukkan berturut-turut di Dewan Bandaran Kuala Pilah, Dewan Sekolah Inggeris Jelebu, Panggung Wayang Tampin, Padang Rembau, Garisan Port Dickson, Dewan Bandaran Alor Gajah, Dewan Hang Tuah Melaka, Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan Dewan bandaran Kajang pada beberapa tempat ada yang dua kali pertujukan, baik oleh pihak sipil maupun oleh pihak 'asykar memuaskan, di mana-mana dijamu makan lengkap dengan juadahnya.

Tidak seluruhnya Negeri Sembilan sahaja, begitupun di Alor Gajah dalam Negeri Melaka pertunjukan, yang dihadiri juga oleh Y.B. Ketua Menteri Dato' Haji A. Thalib, Datin (isteri Dato') dan para puteri beliau yang sengaja datang dari Kota Melaka. Keesokkan harinya sebelum mengadakan pertunjukan malam dalam Dewan Hang Tuah di Melaka, rombongan di un-

dang makan siang oleh Y.B. Ketua Menteri dan Datin di tempat kediaman beliau di Bukit Peringgit. Dato' Haji Thalib berasal dari Kurinci berbaka ke Minangkabau, sedang isteri beliau Datin Nurkiah berasal dari Tanjung Sungayang Batu Sangkar adik Prof. Mahmud Yunus. Dalam beramah-tamah Datin menceritakan juga, bahawa rakyat Melaka menganut Adat Perpatih. Pertunjukan di Melaka cukup berkesan.

Tanggal 11 November 1968 pagi Rombongan berangkat ke Kuala Lumpur langsung menuju Bali Budaya dalam gedung Dewan Bahasa dan Pustaka yang besar bertingkat lagi indah itu, kerana hendak mengadakan beberapa latihan tari besar yang hendak disesuaikan dengan pantas. Kemudian pergi makan siang dan tempat menginap ke Petaling Jaya, kira-kira 6 batu (9 KM) dari Pusat ibukota Kuala Lumpur. Setelah melalui jalan lebar, bersih beraspal dalam beberapa kenderaan dengan saudara-saudara driver (sopir) yang tak pernah membunyikan klason baik di simpang jalan yang ramai sekalipun, kerana kenderaan yang menyemut banyak itu meluncur pada jalannya sendiri-sendiri, sampailah rombongan pada suatu kampus, yang di dalamnya terletak bangunan-bangunan besar lagi tinggi, dengan arsitektur serba moderen dan menarik. Itulah Kolej Islam tempat rombongan makan dan menginap, seorang sebilik, tiap-tiap bilik berkipas angin, begitu asrama laki-laki begitu pula asrama perempuan. Kolej Islam ini mempunyai gedung Kesenian sendiri yang dengan ragam hias Timur Tengah. Di muka kreasi membacut air fontein yang sekira-kira tingginya, ditampung dengan kolam bundar dikelilingi bangku-bangku tempat mahasiswa duduk-duduk bersenang-senang lepas belajar. Kolej ini diketuai oleh Tan Sri Dar. Jalil Hassan.

Malamnya di Balai Budaya diadakan pertunjukan menurut susunan acara dalam programma yang telah dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sedang kulit tebal programma dihiasi dengan lukisan sebuah anjung Rumah Gadang dengan Rangkiang Minangkabau. Sejumlah programma dibagi-bagikan oleh Encik Usman bin Awang seorang pengarang cerita sandiwara dan sutradara yang terkemuka di Kuala Lumpur. Pada halaman muka programma tercantum sepatuh kata oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka berkepala "Ham-paran Hati" yang diturunkan di bawah ini:

"Antara Semenanjung Tanah Melayu dengan bumi Sumatera yang dikenali juga dengan sebutan Pulau Andalas ada sesuatu yang sentiasa menghimbau hati dan rasa penduduk-penduduknya, iaitu himbauan

naluri persaudaraan yang telah berjalin sejak berzaman lamanya. Disedari atau tidak kita sama merasakan dekatnya kedua daerah ini, sehingga seakan-seakan terdengar jantung yang berdenyut nadi yang berdetik. Perasaan ini terbukti di Balai Budaya malam ini, apabila kita melihat tari yang ditarikan, nyanyi yang dinyanyikan dan wajah tersenyum riang. Dan jika terdapat perbedaan maka perbedaan dan gerak yang cergas dan segar. Paling utama segala ini ialah dalam apa jua rentak dan lagunya, mereka tetap dengan sifat aslinya yang memancarkan keperibadian bangsa.

Kegembiraan menyambut rombongan Muhibbah Kesenian Sumatera Barat ini makin melimpah, kerana kedatangan mereka bukan membawa salam rakyat Sumatera yang dilafazkan melalui nyanyi dan tari, tetapi “ikut membangun jambatan yang akan dihubungkan antara hati rakyat serta Pemerintah Indonesia dan malaysia”, sebagaimana amanat Bapak Harun Zain Gabernur Kepala Daerah Sumatera Barat yang saya muliakan.

Maka terselam sudah rasanya betapa “Gadang mukasuk nak dituju” dari hati dan jantung kedua rakyat” nan selalu mahimbau-himbau itu”. Alangkah bahagia hati kita dan besarnya budi yang dijunjung, kerana kunjungan rombongan mihibbah ini diistimewakan pula untuk membantu kutipan derma Universiti Kebangsaan menjelma menjadi suatu kenyataan.

Tiap-tiap orang sedar dan insaf akan menahan ombak keharuannya oleh budi Rombongan Muhibbah ini, yang sanggup menyeberangi Selat Melaka semata-mata untuk menyumbang amal menegakkan Universiti Kebangsaan.

Mudah-mudahan segala nilai seninya dan nilai budinya akan menjadi contoh kepada tiap rakyat Malaysia yang seharusnya mempunyai tanggungjawab menegakkan keperibadiannya baik dalam kesenian maupun dalam corak pelajarannya. Penghargaan yang tinggi haruslah jua diberikan kepada yang Berhormat Dato’ Haji Abdul Samad Idris, Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan yang mengambil daya utama dalam mengusahakan kedatangan rombongan muhibbah ini. Tidak kurang juga

penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi tuan rumah rasmi kepada rombongan muhibbab ini.

Ketua Tanggung Jawab Umum, rombongan Muhibbah Letkol (P) Drs Akhirul Yahya Wali Kota Kepala Daerah Kotamadya Padang dan sekalian anggota rombongan, terimalah ucapan terima kasih saya bagi Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka yang berkesempatan menganjurkan pertunjukkan selama dua malam berturut-turut ini dan sampaikanlah salam muhibbah dari keharuan kami di sini kepada Bapak Gabernur Kepala Daerah Sumatera Barat dan rakyat Sumatera yang kami cintai.

Budi yang telah dianugerahkan selamanya terkalung di tangkai hati kami yang senantiasa dalam ingatan dan kenangan, laksana orang “Nan salalu takana di kampuang”.

Pohon bergoyang angin berembus,  
tunduk dedalu dipukul ribut.  
Air dicencang tiada putus,  
biduk lalu kiambang bertaut”.

Kuala Lumpur, 11 November 1968.

Syed Nasir bin Ismail.

Di pentas bahagian belakang dan rusuk, seperti bilik-bilik pakaian wanita-pria, ruang peralatan, ruang konsumsi, kelihatan sibuk dengan persiapan tugas biduan, bedaya, pemain musik yang 50 orang lebih jumlahnya itu. Saudara Penanggung Jawab Harian Yakub Isman MA dan saudara Nazif Basir Penanggung Jawab pertunjukan (Stage Manger) dengan masing-masing memegang mice-tangan sebesar selapah rokok dengan bertali pendek lepas mengawas kian-kemari di pentas sambil menjaga waktu, sedang beberapa orang petugas dari Pehak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selalu siap sedia di tempat, juga dengan memegang mice tangan kalau ada yang perlu segera ditolong mereka bagi kepentingan dan kesempurnaan pertunjukan.

Oleh Encik Mahfuz bin Haji Abdul Hamid penata cahaya (Lightman) saya diajak naik ke dalam sebuah bilik tempat mengatur cahaya. Kesempatan yang jarang berusa ini tentu tidak saya lepaskan, kerana saya ingin memperhatikan

dari dekat, bagaimana effek cahaya dan warna ditata; kebetulan pula saudara Mahfuz telah saya kenal sebagai seniman dan wartawan 25 tahun yang lalu di Singapura, semasa saya mengelolakan sandiwara pentas kepunyaan saya sendiri yang saya beri bernama "Cendera Mata" dan jalankan 4 tahun di bandar itu; begitu juga di Tanjung Pinang, Riau dengan nama "Bintang Singapore".

Dalam bilik khas ini terpasang permanen pesawat menyerupai mesin kecil lengkap sejumlah tuts, sehingga dengan menekan sebuah atau beberapa tuts tertentu diperoleh warna atau aneka yang dikehendaki, di pentas tempat bermain, misalnya penghidupkan pelbagai warna-warna pakaian para pelakun. Biduan kerana bernyanyi tegak atau para bedaya kerana menari melakukan gerak keliling pentas diikuti dengan saksama dengan berjenis efek dan warna sesuai menurut gerak penari utama dan chorus, close up, medium berselang seli. Di atas dekat penata cahaya tersedia sebuah radio dan sebuah tape recorder, yang dipergunakan keduanya. Lembut atau terang cahaya diselaraskan dengan lunak atau keras suara biduan yang bernyanyi solo, trio atau koor.

Para dinding muka bilik ada sebuah tingkap kecil tempat meninjau karuangan penonton di bawah dan kebalkon belakang, kerana lampu di ruang penonton diatur dari bilik itu dan para dinding kiri kanan ruang tersedia dua buah lampu sorot yang pancaran cahayanya ke pentas pun di atur dari bilik ini juga, senda oada sisi berterali sebelah kanan bilik dapat leluasa memperhatikan seluruh pentas tempat bermain. Sepanjang lantai muka pentas tersedia permanen 3 leret lampu kaki dengan berpuluhan buah bola berjenis watt, yang menurut keterangan saudara Mahfuz jumlah seluruhnya bila diperlukan memancarkan 1800 watt dengan 7 warna. Sepanjang belakang tiap-tiap (geredeng) tersedia permanen 3 leret lampu beraneka warna pula: jalan demikian ada 3 keping, sehingga beberapa watt cahaya diperlukan dan warna aoa yang dikehendaki nomor demi nomor pertunjukan, dilaksanakan dari bilik tersebut. Bagi kelancaran tata cahaya dan tata warna saudara penata cahaya mempunyai staf 3 orang ahli yang mahir dalam bidang masing-masing.

Pada saat yang telah tercantum dalam aturcara (programma) saudara Penata cahaya Mahfuz menerima isyarat dari suatu tempat tertentu, maka melalui mice tangan dibisikkannya ke suatu sudut pentas, agar petugas bersangkutan siap. Berkumandanglah lagu kebangsaan "Negaraku" menandakan Duli-Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah memasuki balkon. Semua berdiri khidmat sampai lagu selesai. Sebaik tirai dropscene dibuka melangkah seorang puteri berpakaian kebangsaan Melayu kemuka pentas menyembahkan kata-mukaddimah kebawah Duli-Duli Y.M.M., S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Lalu Tuan Syed Nasir bin Isma'il Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mengucapkan pidato pembukaan sebagai berikut:

“Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Tuanku Ampurn, Ampun Tuanku.

Patik bagi Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka yang menganjurkan pertunjukan pada malam ini dan malam besok dan juga bagi pihak Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan yang menerima budi baik dari rombongan Muhibbah Kesenian Sumatera Barat yang akan mempersembahkan pertunjukan seni-suara dan seni tariannya, dengan penuh ikhlas dan takzim menjunjung kasih setinggi-tingginya atas kemurahan paduka-paduka Tuanku, kerana melapangkan masa berangkat bercemar duli untuk bersama-sama menyaksikan pertunjukan ini.

Sesungguhnya limpah perkenan Duli-Duli Tuanku hadir bersama pada pertunjukan ini adalah menjadi bukti tentang hidupnya tradisi bangsa Melayu yang telah turun-temurun dan pernah menempuh zaman gemilangannya pada masa lampau, bahawa Istana yang menjadi pusat segala cabang kebudayaan dan raja-rajalah yang menjadi payung panji, penggalak dan peminat utama yang memberi kita nyawa kepada perkembangan kebudayaan bangsa kita.

Sebelum pertunjukan dimulai, patik dengan penuh takzim merafakkan sembah memohon ampun dan limpah keizinan kebawah Duli-Duli Tuanku untuk patik, melafazkan sepatah dua kata aluan kepada sidang hadirin dan rombongan Muhibbah Kesenian Sumatera Barat khasnya.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Toh Puan Raha.

Yang Berhormat Menteri-Menteri.

Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia dan isteri.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian Tuan-Tuan dan Puan-Puan melapangkan waktu untuk bersama hadir menyaksikan pertunjukan malam ini.

Dan saya lebih-lebih lagi berterima kasih, bahawa Tuan-Tuan dan Puan tidak sahaja memberikan waktu yang amat berharga semata-mata untuk menyaksikan dan menikmati seni-suara dan seni-tari dari kaum keluarga kita anak-anak Minang yang termasyhur itu, tetapi yang telah bermurah hati menyumbangkan derma untuk menyokong berdirinya sebuah sekolah Universiti Kebangsaan yang amat penting dan amat besar ertinya bagi mengekalkan hidupnya kewibawaan budaya dan tamadun bangsa kita.

Malam pertunjukan ini kami namakan “Malam Dermawan” ialah kerana sesungguhnya dermawan-dermawanlah yang berhimpun di Balai Budaya ini. Para pengunjung dan para artis yang memberikan pertunjukan, keduanya para dermawan belaka. Para petugas dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato’ Abdul Samad Idris yang membawa rombongan Muhibbah Kesenian Sumatera Barat ke Negeri kita ini dan Kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi tuan rumah kepada rombongan itu, semuanya para dermawan belaka. Semuanya tidak terlibat dengan tujuan “Show Business”, tetapi semata-mata bekerja dengan mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk menubuhkan Universiti Kebangsaan.

Saya sesungguhnya merasa terharu dan juga merasa bangga bahawa semua yang terlibat adalah dermawan-dermawan belaka. Dan saya sungguh-sungguh menjadi bertambah yakin, bahawa penubuhan sebuah Universiti Kebangsaan adalah idaman dan cita-cita yang amat murni yang tersembunyi dan tumbuh dengan diam-diam makin lama makin menggunung dalam dada tiap-tiap rakyat kita. Kalau lahir bangsa kita bukannya bangsa yang miskin sudah tentu setakan ini kita telah menerima derma berjuta-jutaan ringgit. Bukti bahawa Kerajaan sendiri telah memberikan kesanggupan untuk mendirikan Universiti

Kebangsaan yang kita cita-citakan itu tidak menimbulkan semangat rakyat hendak menyerahkan bulat-bulat tanggungjawab itu kepada Kerajaan, tetapi sebaliknya memperlihatkan terus azam supaya Universiti itu terdiri lebih segera dan kita semua terus memberikan derma walaupun cara berkecil-kecilan.

Moga-moga Tuhan Yang Maha Berkuasa akan menyatukan kita lebih erat dan lebih rapat lagi dalam menjelaskan cita-cita yang mulia ini menjadi kenyataan.

Untuk malam ini saya mempersilakan tuan-tuan dan para dermawan sekalian menyaksikan satu-persatu seni-suara dan seni-tari yang akan menghidupkan lagi kesedaran dan keyakinan kita, bahawa bangsa kita ini memang mempunyai kesenian yang kuat dan dapat maju serta kembang sesuai dengan tamadun zaman moderen ini. Orang Minang dan Bangsa Malaysia seluruhnya ialah bangsa sekeluarga dari dua Negara Merdeka yang berdaulat.

Rombongan Muhibbah Kesenian Sumatera Barat ini dipimpin Yang Mulia Leftenan Kolonel (P) Drs Akhirul Yahya Wali Kota Kepala Daerah Kotamadya Padang. Para artis dan para pemimpin kesenian-nya terdiri dari seniman-seniman Kebangsaan yang mewakili ketinggian budi dan daya bangsa Indonesia di Minangkabau. Di antara mereka termasuk juga mahasiswa-mahasiswi Universiti yang ikut menyumbangkan derma baktinya terhadap penuhuhan Universiti Kebangsaan di negeri kita. Mereka datang dengan restu Pembesar yang berbudi dan dermawan Bapak Gabernur Kepala Daerah Sumatera Barat Drs Harun Zain untuk menghubungkan silaturrahim dua bangsa yang berkeluarga dan untuk memberi derma bakti kepada cita-cita kita mendirikan Universiti Kebangsaan di negeri ini. Mereka datang membuktikan tradisi anak Minang yang agung yang tersimpul dalam pepatahnya:

“Nan kuriak kundi,  
nan merah sago.  
Nan baiak budi,  
nan indah baso”.

Kita menyambutnya tentulah dengan perasaan yang amat terharu, dengan hutang yang tak kan terbayar, sesuai dengan pantun pusaka Minang:

“Janiah aianya di Kiambang,  
tampek ‘rang mandi pulang - pai.  
Kini payuang alah takambang,  
kambang nan indak kucuik lai”.

Selesai pidato ini diucapkan, tirai dropscene dibuka langsung dengan irungan sebuah tune pendek oleh orkes Missi lalu berjalanlah pertunjukan tanpa juruhebah (announcer) 150 minit non-stop, 6 tari dan 14 nyanyi bersela-sela. Penata cahaya mahfuz dibantu stafnya melemparkan cahaya “pencil of light” ketika intro suatu tari menyorot wajah primadonna di saat mimik terbayang atau intrigan beraksi “Effect of Light” mencampurkan warna tatkala meningkat ke klimaks “colour harmony” dilaksanakan serta merta dengan penuh routine, sekaliannya berpunca pada pesawat yang disebutkan tadi tempat penata cahaya mempermudahkan jariya seperti seorang juru tek sepuluh jari. Cahaya yang ditata tidak boleh mengecewakan satu nomor pertunjukan pun, tempat segala mata yang memandang dari ruang penonton dalam gedung serentak tertancap ke pentas kepada pelaku.

Pertunjukan malam pertama di Kuala Lumpur ibukota negara Malaysia adalah top-performance yang berhasil. Tidak tuan Syed Nasir saja yang mengatakan ini segera setelah pertunjukan selesai, surat-surat khabar harian seperti di antaranya “Utusan Malaysia” dan “Berita Harian” memuat resensi yang menggembirakan.

Besoknya beberapa orang di antara kami yang lain sedang mengadakan recording, tari-tarian ditelevisikan di studio Radio Malaysia, dijamu makan siang oleh Tan Sri Dato' Sardon Haji Jubir Menteri Perhubungan dan Telekomunikasi (Kini Menteri Kesihatan Malaysia) ke tempat kediaman beliau, selama hampir 2 jam bercakap-cakap perihal pendidikan dan Kebudayaan, kewanitaan, Datin Ibu Sardon adalah salah seorang pemimpin pergerakan wanita Malaysia, perhubungan dan pembangunan secara umum sahaja. Dato' Sardon telah saya kenal dahulu di Singapura dan tahun 1945 pernah kami sama-sama duduk dalam Panitia Ulang Tahun Proklamasi

Kemerdekaan Indonesia di Singapura. Ketika itu beliau peguam/pengacara Tanggal 13 November 1968 selesai makan pagi Ketua Umum atas nama Missi Muhibbah Kesenian mengucapkan sepatah kata terima kasih kepada Ketua Kolej Islam yang telah bermurah hati memberi tempat bermalam dan makan kepada rombongan. Tan Sri Dr Abdul Jalil Hassan, Ketua Kolej Islam menyatakan sukacita kerana telah beroleh kehormatan menerima Missi Muhibbah Kesenian Sumatera Barat di Asrama Kolej dan beliaupun maklum akan kunjungan Missi ke Malaysia. Amnya beliau berharap semoga muhibbah yang telah dippunyai ini akan bertambah teguh juga dari masa ke masa. Dr. Jalil Hassan menambah kata bahawa beliau pun merasa bangga kebetulan dalam Missi ini telah dapat pula berjumpa dengan seorang sahabat lama, saudara Rasyid Manggis yang pernah beliau kenal tahun 1934 di Cairo. Saudara Rasyid yang datang dari negara Belanda pernah menyusun cerita sandiwara pentas yang berjudul "Boven Digoel" yang sutradarai sendiri dan pertunjukan di Cairo oleh para mahasiswa Indonesia - Semenanjugn (Jamiyyah Khairiyah), sedang Dr. Jalil Hassan ketika itu masih mahasiswa, ada ikut sebagai salah seorang pelakun. Dr. Jalil Hassan hendak memperlihatkan gedung Kesenian kepunyaan Kolej Islam sendiri, tetapi amat disayangkan, kerana waktu tidak mengizinkan lagi, sedang guide dari Dewan Bahasa dan Pustaka telah menanti hendak membawa rombongan ke tempat-tempat yang telah diatur.

Tentang kampus Kolej Islam saya peroleh juga keterangan serba sedikit dari Dr. Jalil Hassan, antara lain adalah, Kolej ketika ditubuhkan namanya Kolej Islam Malaya dibangun tahun 1955 di Kelang (Selangor) dengan 55 orang mahasiswa diketuai oleh Haji Umar bin Abdul Aziz berasal dari Johor. Dari tahun 1956 sampai tahun 1964 diketuai oleh Dr. A. Rauf dan sejak tahun 1964 oleh Dr. Jalil Hassan. Jumlah mahasiswa kini 670 orang, di antaranya 200 orang mahasiswa puteri.

Asrama terbagi atas 3 blok. Bayaran seorang mahasiswa \$750; jika perlu boleh dilunaskan dalam 3 X penggal (ansuran). Kampus Kolej Islam mulai dibangun dalam tahun 1964 dengan biaya sebesar \$2,500,00.00/-, sedang 1/2 juta dollar di antaranya dipergunakan untuk pelengkapkan alat-alat. Mata kuliah yang diberikan adalah di antaranya Syar'iyyah, Usuluddin, Bahasa Arab, Sastera dan Ilmu Pengetahuan lain.

Di Fakulti Sastera dari Universiti Malaysia yang serba moderen pula rombongan disambut oleh beberapa orang Dosen dan sejumlah mahasiswanya.

Perkenalan pertama ini baik dari mahaguru, mahasiswa maupun dari pihak rombongan adalah sangat mesra. Tengah minum kedua belah pihak bertanyakan perkembangan Negara dan Daerah masing-masing dengan tidak kaku. Banyak juga mahasiswa yang silih berganti bertanya kepada saya tentang Kesenian Indonesia, terutama mengenai Kesenian Asli Minangkabau, tetapi sebahagian besar saya tolak kepada Rombongan. Biarlah mereka sama-sama beri memberi, siapa tahun mungkin ada manfaatnya di belakang hari, setidak-tidaknya bagi memperkuuh tali muhibbah dalam taraf Perguruan Tinggi.

Salah satu yang menarik perhatian saya adalah, tatkala seseorang berperawakan tegap berwajah cerdas dengan senyum hormat mendatangi saya dan bertanyakan beberapa hal tentang persandiwaraan pentas, teoretis dan technis, bagaimana tanggapan saya terhadap peranan sastera pada pertunjukan sejenis itu dipandang dari segi Pendidikan Kesusasteraan kemahasiswaan khasnya dan kemasyarakatan 'amnya. Ada pertanyaan yang dijumpai dalam buku-buku, tetapi banyak pula pertanyaan yang dijumpai dalam pengalaman.

Ketika hendak berpisah kami bertukar-tukar kercis nama. Beliau adalah Professor M. Thaib Usman Timbalan Dekan Fakulti Sastera. Waktu beramah tamah terasa amat singkat dan ini terbayang di saat berjabat tangan. Tetapi lamanya telah dihadkan lebih dahulu oleh saudra Guide dari DBP itu. Waktu tidak cukup untuk pergi melihat-lihat bangunan dan menikmati pemandangan dalam pusat kota seperti museum, Lake Garden, Gedung Parlimen, Tugu, Masjid Negara, MARA dan lain-lain. Masuk ke dalam suatu museum tak ubahnya masuk ke dalam suatu taman, tidak sedikit yang mempersonakan, tetapi keluar tidak sempat mempersunting sekuntum bunga pun, selain daripada mencium bau yang semerbak, bilamana bis yang membawa kami keliling mlarikan kami pula dan gedung museum yang indah itu lenyap dari pandangan mata lenyap pulalah bau yang harum sebentar ini yang ditipi angin lalu. Kami sempat melihat bekas pentas terbuka di Lake Garden, yang dijelaskan untuk tempat pertunjukan kesenian yang tidak kurang daripada 2000 orang seniman laki-laki perempuan silih berganti bermain di pentas alam itu, dalam meraikan Ulang Tahun ke 10 Kemerdekaan Malaya. Mereka menakjubkan, karya negara yang masih amat muda itu.

Di tempat kediaman Duta Besar Republik Indonesia kami dijamu makan siang, dihadiri juga oleh pihak Kedutaan dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Makan sungguh amat sedap, rojak pembuka selerapun tak kurang; akan tetapi ada satu yang mendukacitakan: Pak Thalib tidak di rumah. Beliau masih berobat dan tinggal di rumah sakit.....! Tetapi, ya; sakit senang tidak bercerai. Mudah mudahan Duta Besar segera sembuh kembali sebagai sediakala!

Kebetulan dalam jamuan di kebun itu saya berjumpa dengan seorang kawan lama telah 10 tahun tidak pernah bersua, sejak berpisah di Bukittinggi. Beliau adalah Isma'il Daulay yang kini memimpin kantor "Berita Antara" di Kuala Lumpur. Sayang benar kami tak dapat bersirih-sirihan; saat berpisah dengan Ibu Duta Besar yang peramah itu telah tiba. Pertemuan yang lebih mengharukan lagi adalah tatkala saya di Kedutaan Besar Republik Indonesia minta tolong sesuatu kepada seorang pegawai perempuan dalam kantornya. Pegawai wanita ini minta menuliskan nama saya pada secarik kertas yang diletakkannya di hadapan saya. Tatkala dibacanya lalu ia berkata dengan langgam Kuala Lumpur yang maksudnya: "Inyik saya!" Dan dia menatap saya. Dialah cucu saya, yang sejak ia lahir di Kuala Lumpur sampai telah bekerja di Keduataan Besar RI, itulah baru berjumpa.

Di ruang tamu Dewan Bahasa dan Pustaka Tuan Syed Nasir bersama staf telah mengudang rombongan petang hari itu juga. Sesaat beramah tamah lalu Tuan Syed Nasir selaku pengarah DBP menyerahkan hadiah itu dibalas oleh rombongan dengan dua buah pantun lama:

"Pulau Pandan jauah di tangah,  
dibaliak pulau angso duo.  
Hancua badan dikanduang tanah.  
budi pak Nasir dikanang juo".

"Talakang carano kendi,  
bacarai carano kaco,  
itu nan samo 'rang gantangkan.  
Baganggang karano budi,  
bacarai karano baso,  
itu nan samo kito pantangkan".

Segara sesudah itu rombongan langsung pergi ke tempat kediaman Enche' Rahman Yakub Menteri Pertambangan, minum teh. Barulah mening-

galkan Kuala Lumpur balik ke Seremban. Karena lepas Maghrib menghadiri jamuan makan Menteri Besar Negeri Sembilan Y.A.B. Tan Sri Dato' Dr. Muhammad Said bin Muhammad khas untuk rombongan. Tengah makan berselerak menurut istilah di sana, pengganti sebutan "Diner a la France", para Pembesar yang menanti bertanyakan juga peri penghidupan masyarakat Adat Minangkabau, perkembangan Kesenianya dan Pendidikan Kebangsaan. Menteri Besar mengucapkan pidato ringkas dengan berterima kasih kepada Gubernur Sumatera Barat yang telah melepas rombongan ke Negeri Sembilan khasnya dan menyatakan sukacita tersebut kerana Missi yang datang terbukti benar-benar muhibbah sifatnya, sedang kesenian yang telah diperlakukan adalah berkesan dalam dada rakyat Negeri Sembilan. Mudah-mudahan Missi yang akan berangkat balik besok lusa, selamat tiba di Minangkabau.

Kunjungan pertunjukan di Dewan Bandaran Kajang petang Khamis dalam Negeri Selangor lain pula menariknya. Bila saja sampai di Kajang petang Khamis tanggal 15 November 1968 itu rombongan telah disambut dengan jamuan teh lengkap dengan kueh-kueh seperti: lempar, dokok-dokok dan lain-lain yang telah tersaji sepanjang meja dalam satu bangsal yang sengaja dihiasi, dihiburkan pula dengan musik hidup. Kebetulan Pak Durman Anggota MPRS Indonesia yang baru saja datang dari Sumatera ikut hadir. Dengan siapa saja kami bertemu dan bercakap-cakap mereka mengatalam keturunan Minangkabau. Dari seorang yang telah lanjut usianya, yang dalam tahun 1918 meninggalkan Loto Tuo Agam di kaki gunung Singgalang dan terus menetap di Kajang saya dengar bahawa lebih daripada 80% di antara seluruh penduduk Kajang dan sekitarnya keturunan Minang; yang selebihnya keturunan Mandahiling.

Tanggal 16 November 1968 sebelah pagi diadakan recording di Kuala Lumpur; saya diminta oleh Ketua Perkhidmatan Siaran Luar Negeri Suara Malaysia Seksyen Indonesia mengucapkan pidato-pidato mengenai dasar Kesenian Minangkabau dan sedikit peri perkembangannya di daerah tempat dijelaskan. Teks pidato itu saya turunkan di bawah ini:

“Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati;

“Sebelum meninjau ke balik tabir kesenian Minangkabau ada baiknya kita pulangkan alam pikiran kita sejenak kepada maksud seni itu sendiri, di manakah dia dan betapakah manfa’atnya bagi peri kehidupan manusia. Terhadap istilah seni diperoleh berbagai pendapat. Dewey mengatakan: Seni adalah sebagai penghayatan; dengan perkataan lain ia menjadi datu dan seirama dengan kodrat hidup tiap-tiap manusia

Aristoteles mengatakan: Seni adalah imitasi alam yang diidealasikan. Abu Hanifah berpendapat: Seni ialah percubaan menggambarkan perhubungan ghaib antara lahir dan batin antara yang fana dan yang baqa.

Robert Browning berpendapat: Seni adalah ucapan Kebenaran. Dan banyak lagi pendapat para sarjana yang lain, baik di Barat maupun di Timur.

Walaupun bagaimana, seni tidak berpisah daripada hakikat hidup. Hakikat hidup manusia di dunia ini adalah supaya berbahagia. Seni dapat disalurkan sebagai salah satu jalan ke arah mencapai imbangan hidup atau hakikat hidup yang sesungguhnya.

Jiwa manusia tidak boleh dibiarkan kosong. Jiwa yang kosong dapat menjadi buas. Supaya manusia jangan buas hendaklah diisi dengan seni. Seni memperhalus rasa dan budi. Seperti kata Schiller: Seni adalah pembentuk budi-pekerji. Adapun seni adalah rasa keindahan yang mengandung keaslian sendiri. Rasa keindahan dapat digetarkan dengan memetik tali kecapi jiwa. Bilamana tali kecapi ini dipetik bergemalah rasa melalui alatnya keluar.

Seni ada dalam Adat, ada dalam Agama. Oleh yang demikian seni tidak dapat dipisahkan daripadanya, kerana keasliannya adalah alat pengan-tarkan roh jalan ke Tuhan-an.

Seni bangun dan seni-ukir yang dijumpai pada Masjid dan balai Adat menyatakan keindahan yang menjelma dalam bentuk monumental yang tidak dapat dimungkiri. Demikianlah sedikit tentang seni.

Apakah kini yang dimaksudkan dengan kesenian? Adapun kesenian adalah paduan getaran jiwa dan keselarasan fikiran yang mengujudkan suatu ciptaan yang indah. Dalam kesenian kita jumpai pelbagai bahagian atau jenis seperti di antaranya seni-sastera, seni-suara, seni-tari dan lain-lain.

Seni-sastera misalnya tidak akan tercipta jika tidak dengan budi yang luhur. Seni dan sastera tidak tiba sekoyong-koyong; keduanya adalah hasil usaha berzaman dalam perjalanan sejarahnya.

Sastera Minangkabau telah melalui usianya yang panjang. Seorang ahli sya'ir Mesir bangsa Qibti pernah menyatakan dalam suatu rekaannya yang dapat dilihat dalam Kutub Khanah bahagian Pustaka di Mesir, bahawa antara ujung abad I dengan awal abad II duduk suatu suku bangsa di pinggang sebuah pulau di bawah angin dilintasi Khatulistiwa, yang terkenal sebagai ahli sya'ir. Maka yang dimaksudnya dengan "sya'ir" itu adalah "pepatah-patitih, memang" dsb.

Para penyelidik ahli sejarah-sastera menegaskan, bahawanya kawasan yang dimaksud itu tak dapat tiada adalah daerah dalam lingkungan Swarna Dwipa, yakni daerah yang kemudian dinamai "Minangkabau". Sebagai bukti dapat dikemukakan di sini, bahaw Tambo Alam Minangkabau ada yang disusun dalam bentuk bahasa-berirama (prosalirik), ada yang direka dalam bentuk pantun yang pada mulanya turun dari mulut kemulut.

Dalam bahasa berirama misalnya: Tatkalo maso dahulu - siriah naniak junjuangan - duduaklah rajo parampuan - dalam nagari Pagaruyuang - io di Ulang Tanjuang Bungo - rajo sa-Alam Minangkabau ko. Bukanlah rajo dan mambali - bukanlah rajo dan mamintak - rajo badiri kandirinyo - samo tajadi jan alamko. Manaruah Karih kasaktian - banamo si Mundam Giri - Karih mengantak kandirinyo - jajak ditikam mati juo. Nan manaruah kain Sang Seto- warnonyo sipurin-purin - digantiah urang baparuah - ditanun urang bainsang - tanun bagarak kandirinyo.....".

Dengan pantun misalnya:

“Pancaringek tumbuah dipaga,  
pugago tumbuah dibawah nangko.  
Ingek-ingek uran nan tigga,  
jago Adat dengan Pusako.”

“Kaladai namonyo kudo,  
bari bakakang layang-layang,  
lakekkan ganto-palanonyo.

Tambo septantun bungka jalo  
tuangkan amuahnyo hilang,  
Pusako baitu juo”.

“Pisau sirauik bari hulunyo,  
diasah mangko bamato.  
Lautan sajo dahulunyo,  
mangko banamo pulau Paco”.

“Dari mano titiak palito,  
dibaliak telong nan batali.  
Dari mano asa niniak kito,  
dari ateh gunuang Marapi”.

“Nak hilia ka Indogiri,  
singgah sabanta ke Ladang Panjang,  
Dimano Adat mulo badiri  
di Pariangan-Padang Panjang”.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati.

Manakala seseorang yang bukan ahli sastera memandang sastera hanya sekadar sebagaimana adanya, maka sebaliknya seorang ahli sastera melihat sesuatu lebih jelas, mendengar sesuatu lebih halus.

Kehalusan perasaannya tidak terletak pada pancainderanya tetapi pada hati dan jiwanya. Ia tidak hanya menaruh rasa terharu akan sesuatu yang ada saja, tetapi merasakan kehendak yang amat keras untuk melahirkan sesuatu. Misalnya sebahagian di antara sajak atau puisi atau telah mendekati lapangan musik dan memang sengaja ditulis untuk nyanyi.

Sesungguhnya kesusasteraan yang indah ada hubungannya dengan lapangan musik, karena saja dan iramanya.

Berbicara tentang kesenian Minangkabau, seni-sastera tidak terlepas daripada seni-suara, sama ada suara vokal ataupun suara instrumental dan tiada terlepas daripada seni-tari.

Satu di antara “Undang-Undang Nan Sambilan Pucuak” menurut Adat berbunyi: “Duduak bapamenan - tagak baparintang”. Kata “pamenan” mengertikan jenis kesenian yang dilakukan dengan gerak langkah, seperti “randai, pencak-silat” dan “tari”. Dalam kata-kata “pamenan” dan “parintang” tersembunyi bunyi-bunyian, tari dan nyanyi yang dijalin dengan sastera Minang, sehingga ketiganya merupakan daerah, berfalsafahkan alam permai yang terkembang dan dijadikan guru bagi siapa yang tahu membacanya.

Adapun bunyi-bunyian Minang pada dasarnya adalah bersifat keagamaan, yang menyebar jadi hiburan di tengah masyarakat. Sama ada irama musik Minang atau alat-alatnya merupakan perpaduan berbagai penduduk negeri dalam suku bangsa Minang.

Di mana pintu hati Kesenian Minang senantiasa terbuka menanti suara zaman, di sanalah jenis kesenian dalam bentuk musik dan alat-alatnya yang datang dari luar seperti dari India dan Persia diterima oleh Minang, menyelaraskannya dengan rasa dan karsa bagi memperkaya kesenian, sesuai menurut kehendak dan tuntutan zaman. Walaupun iramanya dari masa ke semasa mengalami perpaduan yang seresam, akan halnya perpaduan ke Timuran demikian dapat berakar dalam sanubari rakyat, malah subur hidupnya sampai “saedaran gunuang Marapi - salareh Batang Bangkaweh”.

Agama Islam yang dibawa berturut-turut oleh orang Persia-Gujarat, oleh orang Arab-Mesir ke Minangkabau sebelah Timur dengan bertapak di Kuntu, yang pernah diberi nama julukan “Daru’ssalam”, memberi pengaruh terhadap pertumbuhan buni-bunyian Minang ke hulu Kampar yang mulanya berupa mistik sampai meninggalkan jejak selamat 200 tahun, iaitu sejak awal abad ke-12 sampai menjelang pertengahan abad ke-14 di Limo Koto, seperti Bangkinang dan sekelingnya. Sebagai peninggalan dapat disebut di antaranya nalam, dikir, dabus dll.

Demikianlah selayang-pandang mengenai sekelumit kesenian Minang yang tidak bercerai lari dengan yang ditaris-belebaskan Adat yang kawi, yang sama-sama naik dengan asap, sama-sama turun dengan embun.

“Rami manyamuik pakan Lunto,  
Uran baduyun baarak-arak,  
rami basaiang jo Saruaso.  
Kami datang kamari nangko,  
bukan mancari ameh-perak,  
kami mancari budo-bahaso”.

Petang harinya susuadah shopping di Selangor Emporium dan Globe rombongan dijamu minum teh oleh Tan Sri A. Kadir atas nama pimpinan PPSB (Perkumpulan Pemuda Semangat Bersatu). Encik Kadir (berasal dari Pariaman) adalah kepada suatu Lembaga Pemerintah yang dapat disamakan dengan gabungan Kantor Urusan Pegawai dan Badan Perencana Belanja Pegawai.

Pada saat itu bapak Gabernur Sumatera Barat Drs Harun Zain sampai di lapangan terbang Subang Kuala Lumpur dari Bangkok melalui Penang. Waktu yang ada tergenang sedikit lepas Maghrib saya pergunakan untuk pergi ke Rumah Sakit hendak memperlihatkan muka sambil bertinggal kata kepada bapak Thalib yang dalam sakit. Sulit juga mulanya masuk, karena hari telah malam lagi pula di luar jam-berkunjung, tetapi setelah saya katakan kepada penjaga malam dan kepada jururawat, bahawa saya esok pagi-pagi hendak meninggalkan Kuala Lumpur karena harus kembali dengan Missi Kesenian Muhibbah ke Sumatera, akhirnya dapat juga kelonggaran dengan syarat tidak boleh lebih daripada 5 minit dan yang sakit tidak boleh dibangunkan.

Dalam sebuah bilik-sakit besar tersendiri, sungguhpun diterangi dengan cahaya lindap dari suatu sudut, masih dapat melihat bunga dalam jambangan. Dan benar; Pak Thalib sedang tidur.....

Tetapi saya telah melihat wajah beliau, telah “menantui” Duta Besar May Jen Haji A. Thalib yang secara peribadi telah saya kenal baik tahun 1950 di Bukittinggi.

Malamnya Encik Senu A. Rahman Menteri Penerangan merangkap Kementerian Kebudayaan, Belian dan Sukan (Olahraga) melepas rombongan dengan mengadakan jamuan makan bertempat di gedung Filem Negara yang indah.

Saya gembira dapat berjumpa dengan saudara Syaiful Bahri Pengarang musik untuk filem-filem dokumentasi dan talking-picture, seperti misalnya Raja Ber-siong yang ceritanya dikarang oleh Tengku Abdul Rahman Putera Perdana Menteri Malaysia. Terkenang oleh saya kana ayah saudara Syaiful di Suliki, semasa kami sama-sama belajar dan sekelas di HIS Payokumbuh tahun 1913. Rasa “sekelas” tak mudah lupa. Dan bercakap-cakap mengenai seni-filem menarik perhatian saya, apa lagi saya pernah ikut serta bermain filem tahun 1936 di negeri Belanda, di antaranya dalam speelfilm “Suiker-freule” dan “Rubber” pada Majestic Film-Coy di Amsterdam. Kemudian belajar scenario di Babelstadt (film-stad) Berlin Jerman.

## TOKOH-NAMA ORANG DAN TEMPAT

**Abdullah bin Dahan, Datuk** - Yang Amat Mulia Datuk Undang Luak Rembau.

**Abdul Jalil Hassan,  
Tan Sri Datuk** - Bekas Mufti Negeri Johor, bekas Pengetua Kolej Islam, Klang, Pengerusi Majlis Fatwa bergelar Tan Sri dan Datuk.

**Abu Samah Kasah** - Teman yang bersama-sama saya kali pertama ke Padang - Peniaga, telah meninggal dunia.

**Adnan bin Maah, Datuk** - Yang Amat Mulia Datuk Undang Luak Rembau Yang ke 20 bergelar Datuk Sedia Raja, salah seorang dari Datuk Undang Yang Empat yang memilih dan mendaulatkan Raja (yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan)

**Ahmad Padang** - Teman saya di Seremban yang mengenalkan saya kepada abangnya Ali di Padang-ahli perniagaan.

**Akhirul Yahya Letkol** - Bekas Wali Kota Padang- Pegawai Angkatan Laut (ALRI). Ketua rombongan Kesenian Minang.

**Alam Bagagarsyah** - Raja terakhir di Minangkabau m.s. 439.

**A. Malek bin Yusoff, Dato'** - Menteri Besar Negeri Sembilan yang pertama sesudah Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada 1/2/1948, sebelum itu Negeri Sembilan belum ada jawatan Menteri Besar.

**Asal Nama Negeri Sembilan** - Muka surat 137.

**Ali Salim** - Abang Ahmad Padang yang menunggu saya di Lapangan Terbang Tabieng sewaktu saya kali pertama sampai di Padang pada 1/1/1968 - telah meninggal dunia.

**Azwar Anas, Datuk** - Bekas Gabenor Sumatera Barat, sekarang, Menteri Perhubungan Indonesia.

**Batu Sangkar** - Ibu Kota Luhak Tanah Datar

**Bendera Negeri** - Tiga warna, merah, kuning dan hitam sama warna dengan marawa atau bendera Minangkabau m.s. 142

**Bonda Kandung** - Puteri raja yang amat bijaksana, sekarang ini sering digelarkan kepada kaum ibu yang beradat m.s. 411.

**Bukit Tinggi** - Ibu Kota daerah Luak Agam terletak di atas sebuah bukit, hawanya agak dingin sedikit.

- Bunga Setangkai**
  - Sebuah kerajaan yang berpusat di Sungai Kayu Bertaruk, m.s. 404.
- Bukit Batu Patah**
  - Sebuah lagi kerajaan di Minangkabau m.s. 388.
- Daeng Kemboja**
  - Anak Raja Bugis yang mahu merajai Negeri Sembilan, kalah perang dengan angkatan Raja Melewar.
- Datuk Syahbandar Sungai Ujung**
  - Salah seorang orang besar Luak Sungai Ujung. Kedudukannya selepas Undang Luak. Ia mempunyai kuasanya yang tersendiri yang disebut Waris Di Air. Manakala Datuk Kelana pula dikenali sebagai Waris Di Darat. Kedudukan kedua-dua Datuk Kelana dan Datuk Shahbandar ini menurut kata adatnya, seperti mata hitam dan mata putih.
- Dewan Bahasa & Pustaka**
  - Pusat penerbitan, penyelidikan dan perkembangan bahasa Melayu yang ditubuhkan khusus oleh kerajaan pusat, lebih kurang sama fungsinya seperti Balai Pustaka di Jakarta.
- Dusun Tua Lima Kaum**
  - Lagi sebuah kerajaan di Minangkabau - m.s. 429.

**Feri Dudat**

- Feri yang berkhidmat mengambil penumpang dari Dumai ke Melaka. Feri inilah yang membawa rombongan kesenian Minang dalam rangka lawatan ke Negeri Sembilan pada tahun 1968.

**Gabenor**

- Kepala Daerah Tingkat Satu Sumatera Barat - lihat m.s. 292, 293 & 294.

**Handoro, Major**

- Seorang Pegawai Tentera rakan Ali yang turut menunggu saya di Lapangan Terbang Tabieng Padang - tidak diketahui di mana ia sekarang.

**Harun Zain, Datuk**

- Gabenor Sumatera Barat sewaktu saya sampai di Padang tahun 1968 - bekas Menteri Tenaga Rakyat - Rektur Universiti, di Jakarta.

**Hasan Basri Durin, Datuk**

- Mula berkenalan dengan saya ketika menjadi Wali Kota Padang - Gabenor Sumatera Barat sekarang.

**Istana Lama**

- Istana yang telah dibangunkan oleh Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah, siap dalam tahun 1905. Lihat m.s. 262.

**Jelebu**

- Salah satu daerah (Kebupataian) di Negeri Sembilan.

- Kahar Tukang**
  - Arkitek yang berjaya membangunkan Istana Lama. Kerana jasanya ia dikurniakan gelaran Datuk Panglima Sutan oleh Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah.
- Kajang**
  - Nama ibu kota daerah (kebupataian) Ulu Langat dalam Negeri Selangor.
- Kamaludin Algamar**
  - Bupati Tanah Datar - Bupati (Pegawai Daerah) yang pertama saya temui dalam tahun 1968.
- Kuala Pilah**
  - Salah satu daerah (kebupataian) di Negeri Sembilan.
- Kuala Lumpur**
  - Ibu Kota Kerajaan Pusat.
- Kuala Dulang**
  - Nama kampung di daerah Jelebu dan di sini jugalah didirikan masjid yang pertama di Jelebu yang terkenal dengan nama 'Masjid Kuala Dulang'. Setiap orang Datuk Undang yang baru dikerjakan menjadi satu 'adat' menunaikan sembahyang di masjid ini. Ada orang yang menganggap masjid ini sebagai masjid keramat.
- Lembah Anai**
  - Terletak di tengah perjalanan antara Padang dengan Bukit Tinggi, pemandangan yang menarik dengan jalanraya yang berkelok-kelok dan terdapat sebuah air terjun yang cantik.

## LKAAM

Kata singkatan dari Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau - sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh Datuk-Datuk Lembaga, Bonda Kandung dan Ketua-Ketua Adat Alam Minangkabau. Badan inilah yang menjaga, mengawal, mengembang dan memajukan Adat Perpatih di Minangkabau.

## Luak

Terdapat sembilan luak di Negeri Sembilan. Luak-luak tersebut ialah:

- i. Sungai Ujung
- ii. Jelebu
- iii. Johol
- iv. Rembau
- v. Ulu Muar
- vi. Jempol
- vii. Gunung Pasir
- viii. Inas
- ix. Terachi

Luak Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau mempunyai ketua adat yang dipanggil 'Undang'. Keempat-empat Datuk Undang inilah yang berkuasa melantik raja bila berlaku kemangkatan dan mendaulatkannya sebagai Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan. Lima Luak selebihnya Ketua adatnya bergelar Penghulu.

Mereka ini tidak berkuasa melantik raja seperti Undang Yang Empat.

- Luhak nan tigo**
  - Luhak asal Minangkabau m.s. 415.
- Maninjau**
  - salah satu danau yang terindah di Minangkabau.
- Mansur bin Osman, Dato'**
  - Menteri Besar Negeri Sembilan yang keempat sesudah Dr. Mohd. Said - pernah menjadi Timbalan Speaker Parlimen.
- Menteri Besar**
  - Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri lihat m.s. 283.
- Menteri**
  - Anggota kabinet Kerajaan Pusat.
- Medan**
  - Terletak di Sumatera Utara dan menjadi ibukotanya, Gabenor Sumatera Utara beribu pejabat di sini.
- Melaka**
  - Salah satu negeri (provensi) dalam Malaysia. Melaka terkenal dalam sejarahnya sebagai sebuah kerajaan Melayu yang masyhur dalam abad kelimabelas, dikalahkan oleh Portugis dalam tahun Masihi 1511.
- Merapi**
  - Sebuah gunung berapi yang dikatakan masih lagi aktif

tetapi tidak berbahaya, kelihatan jelas dari Bukit Tinggi dan daerah-daerah sekitarnya.

**Mohd. Said, Dr.**

- Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Doktor Perubatan bersara.

**Mohd. Isa A. Samad Dato'**

- Menteri Besar Negeri Sembilan sekarang.

**Naam**

- Datuk Penghulu Luak Ulu Muar yang terpedaya oleh Raja Khatib, akhirnya ia terbunuh dalam pergaduhan dengan pengikut-pengikut Raja Melewar.

**Nama-Nama Suku di Negeri Sembilan**

- Nama-nama suku ini berasal dari nama-nama kampung di Minangkabau yang dinamakan oleh peneroka-peneroka Minang yang datang dari kampung berkenaan, kecuali suku Biduanda dan Anak Aceh. Lihat m.s. 77.

**Nawawi Indek**

- Teman yang bersama-sama dengan saya kali pertama ke Padang - pegawai kerajaan bersara.

**Padang**

- Ibu Kota Provensi (negeri) Sumatera Barat. Di sinilah ibu pejabat pentadbiran negeri dan pejabat Gabenor.

**Pagar Ruyung**

- Tempat bersemayam Raja-Raja Minangkabau zaman dahulu.

**Palambang**  
**Bendera/Marawa**

- Bendera kebesaran Minangkabau m.s. 437.

**Pasumayam Koto Batu**

- Lagi sebuah kerajaan di Minangkabau m.s. 377.

**Penajis**

- Nama kampung di daerah Rembau, di kampung inilah Raja Melewar ditabalkan menjadi raja. Berhampiran dengan Kampung Penajis ini ada sebuah kampung lagi bernama Istana Raja.

**Paya Kumbuh**

- Ibu kota daerah Luak Limapuluh Kota.

**Perdana Menteri**

- Ketua Eksekutif Negara Malaysia - lihat m.s. 307.

**Port Dickson**

- Salah satu daerah (kebupataian) di Negeri Sembilan, tepi laut.

**Raja Khatib**

- Anak raja yang diutus oleh Raja Pagar Ruyung yang belot, mengakui dirinya Putera Raja yang sebenar.

**Rais Yatim, Datuk**

- Menteri Besar Negeri Sembilan yang kelima sesudah Dato' Mansor, pernah menjadi Menteri kerajaan pusat.

### **Raja Melewar**

- Putera Raja dari Pagar Ruyung dijemput menjadi raja yang pertama di Negeri Sembilan. Senarai raja Negeri Sembilan m.s. 257.

### **Rashid Manggis**

- Datuk Penghulu bergelar Raja Penghulu, Minangkabau, seorang Datuk yang mula-mula saya temui di Bukit Tinggi - tokoh adat - sasterawan.

### **Rembau**

- Salah satu daerah (kebupataian) di Negeri Sembilan.

### **Seremban**

- Ibu kota negeri, Negeri Sembilan (salah satu daerah atau kebupataian) juga bandar yang terbesar di Negeri Sembilan.

### **Seri Menanti**

- Tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

### **Singgalang**

- Sebuah gunung yang menjadi kemegahan orang-orang Minangkabau. Kedua-dua gunung, Merapi dan Singgalang sering dijadikan dendangan dalam lagu-lagu yang berirama Minang.

### **Singkarak**

- Satu lagi danau yang terdapat di Minangkabau, ia lebih besar dari Danau Maninjau.

- Sultan Selangor**
  - Salah seorang raja dan ketua dari negeri-negeri Melayu bernama negeri Selangor yang bergelar Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.
- Tampin**
  - Salah satu daerah (kebupataian) di Negeri Sembilan.
- Tanah Datar**
  - Ibu Kota daerah Luak Tanah Datar. Dalam Luak ini terletaknya Istana Pagar Ruyung.
- Teluk Bayur**
  - Sebuah pelabuhan kapal yang terletak tidak jauh dari Kota Padang.
- Tunku Besar Tampin**
  - Salah seorang orang besar Negeri Sembilan yang kedudukannya selepas Undang Yang Empat tetapi tidak termasuk sebagai seorang yang melantik raja.
- UMNO**
  - Kependekan dari bahasa Inggeris 'United Malays National Organisation' dalam bahasa Melayunya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu - sebuah parti politik yang didukung seluruhnya oleh orang-orang Melayu yang telah mempelopori perjuangan pada peringkat awal, menentang Malayan Union ciptaan dan paksaan penjajah Inggeris dan kemudian berjuang menuntut kemerdekaan.

**Yang DiPertuan Agong**

Ketua Negara bagi Malaysia, nama penuhnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang dilantik setiap lima tahun sekali dari kalangan sembilan orang raja dari negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

**Yamtuau**

Kependekan dari ‘Yang DiPertuan’ biasanya digunakan dalam percakapan, dalam penulisan lebih baik digunakan sepenuhnya ‘Yang DiPertuan’.

**Yusaf Rahman**

Pemimpin Muzik Team Kesenian yang datang ke Negeri Sembilan tahun 1968.

**Zainal Abidin Lati**

Teman yang bersama-sama dengan saya kali pertama ke Padang  
- Penghulu Mukim - bersara  
- bekas wakil rakyat.